



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PENGGULUNGAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PENGGULUNGAN USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

**DI DEWAN RAKYAT BAGI
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

22 FEBRUARI 2023 (RABU)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyentuh isu-isu di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semasa mengambil bahagian dalam sesi **Perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** dari minggu lalu sehingga semalam, hari Selasa 21 Februari 2023.

2. Saya menghargai segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan dan akan diambil kira dalam perancangan KPWKM di masa hadapan. Manakala pada hari ini, In sya Allah, saya akan memberi maklum balas kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah diajukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada KPWKM.

Tuan Yang Dipertua,

1. **Yang Berhormat Tumpat** ingin mengetahui **peranan** Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (**LPPKN**) dalam memastikan **peluang pendidikan keibubapaan dan kekeluargaan** kepada **individu yang ingin berkahwin** dengan kadar bayaran yang munasabah.

2. Dalam hal ini, sukacita saya ingin maklumkan bahawa **LPPKN ada menawarkan pelbagai program** pendidikan keibubapaan dan kekeluargaan yang dilaksanakan bukan sahaja di ibu pejabat LPPKN di Kuala Lumpur tetapi juga melalui LPPKN Negeri di **seluruh negara**. Ini bagi memberi peluang penyertaan yang menyeluruh ke dalam program-program yang dianjurkan oleh LPPKN.

3. Antara program yang ditawarkan oleh LPPKN ini adalah:

(i) Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART;

(ii) Program Ilmu Keluarga;

(iii) Program Pengurusan Kewangan Keluarga SMARTBelanja;

(iv) Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA);

**(v) Kursus Mengimbangi Keluarga dan Kerjaya
(Keluarga@Kerja)**

4. Program-program ini telah memberi **manfaat** kepada **lebih 165,000 orang peserta** sejak ia mula diperkenalkan 10 tahun dahulu.

5. Program-program ini juga sememangnya **mampu untuk disertai** oleh pelbagai latar belakang ekonomi kerana kadar bayaran yang dikenakan adalah **amat munasabah**, berdasarkan **peraturan fi dan caj yang ditetapkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan) 2006**. **Fi yang dikenakan adalah antara RM20 hingga RM70** untuk peserta Kerajaan manakala bagi peserta persendirian dan swasta, **fi yang dikenakan adalah antara RM30 hingga RM90**.

6. Selain itu, LPPKN turut **melaksanakan program** yang dinyatakan sebentar tadi **dengan kerjasama NGO**. Malah, ada di antara program yang dilaksanakan ini boleh disertai secara **percuma** kepada peserta yang layak.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung isu membabitkan Orang Kurang Upaya (OKU), **Yang Berhormat Tumpat** mencadangkan agar **peratusan** penglibatan **OKU dalam perkhidmatan awam** perlu **dipertingkatkan** dan **masyarakat diberikan kesedaran** menerusi bengkel-bengkel **kepekaan OKU**. Beliau turut menyarankan agar **Kerajaan untuk menyanjung hasrat SPB Yang Di-Pertuan Agong supaya meminda Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]**.

2. Sebagai makluman dewan yang mulia ini, **Seksyen 29**, Akta OKU 2008 [Akta 685] telah menjelaskan hak OKU untuk mendapatkan akses pekerjaan yang setara dengan orang bukan OKU. Ia turut menjelaskan tanggungjawab majikan untuk melindungi hak OKU bagi mendapatkan suasana kerja yang adil dan baik, termasuk peluang kemajuan kerjaya serta saraan yang setara dengan orang bukan OKU.

3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang memainkan peranan sebagai pengurus sumber manusia dalam perkhidmatan awam, telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010, "*Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya*" yang

bertujuan menjelaskan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU dan langkah-langkah, dengan izin, *affirmative*, yang perlu diambil oleh Suruhanjaya, Kementerian dan Agensi bawah Kementerian.

4. Dalam hal ini, suka saya ingin maklumkan bahawa **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi-agensinya di bawahnya** memiliki **peratusan kakitangan OKU** sebanyak **2.16%**, iaitu **melebihi daripada dasar satu peratus** yang disasarkan oleh JPA.

5. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha **meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap OKU**, KPWKM menerusi Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) telah melaksanakan ***Program Disability Equality Training (DET)*** secara berkala setiap tahun kepada kementerian dan agensi kerajaan serta syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) bagi memberi pendedahan tentang isu ketidakupayaan.

6. Bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2018 sehingga 2022, JKM telah menganjurkan sebanyak 70 program DET melibatkan hampir 3,000 orang peserta.

7. Menyentuh tentang **pindaan kepada Akta OKU 2008** yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Tumpat** dan **Yang Berhormat Rantau Panjang**, ingin dimaklumkan bahawa pada masa ini KPWKM sedang meneliti cadangan pindaan kepada Akta yang diterima daripada pelbagai pihak berkepentingan menerusi **empat (4) sesi bengkel semakan** akta tersebut yang telah dilaksanakan pada tahun 2022.

8. Dalam hal ini, **Pasukan Petugas Khas Semakan Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008** telah dilantik untuk mengenal pasti peruntukan Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang memerlukan pindaan atau penambahbaikan. Ia dianggotai pegawai Kementerian serta Jabatan berkaitan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan ahli-ahli akademik bagi tempoh dua (2) tahun bermula 13 Februari 2023 sehingga 12 Februari 2025.

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Yang Berhormat Tumpat** ingin mengetahui **hak-hak yang dinikmati oleh anak-anak yatim yang kematian ibu bapa akibat COVID-19.**

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai **542 orang kanak-kanak** yang kehilangan ibu bapa atau penjaga akibat COVID-19 telah **disantuni oleh JKM** dari **Januari sehingga Disember 2021**. Kesemua kanak-kanak ini telah disantuni melalui bantuan berbentuk bantuan kewangan, bakul makanan, khidmat kaunseling dan konsultasi serta ditempatkan di institusi kebajikan.

3. Dalam memastikan kanak-kanak ini terjaga, JKM telah mengambil langkah dengan menempatkan mereka untuk dijaga oleh Orang yang Layak dan Sesuai (OYLS), yang kebanyakannya terdiri daripada waris kanak-kanak tersebut. Ini selaras dengan inisiatif baru yang diperkenalkan oleh KPWKM iaitu pemeliharaan berasaskan keluarga, dimana mereka ditempatkan dengan Orang Yang Layak dan Sesuai serta dijaga dalam suasana keluarga. Manakala bagi kanak-kanak yang tiada waris, mereka telah ditempatkan di institusi JKM dan juga di pusat jagaan swasta.

4. Daripada rekod kanak-kanak yang disantuni tersebut, seramai 32 kanak-kanak telah ditempatkan kepada Orang yang Layak dan Sesuai. Manakala enam (6) orang kanak-kanak telah ditempatkan di pusat jagaan swasta dan seorang (1) kanak-kanak ditempatkan di institusi JKM.

Sementara itu, **Yang Berhormat Parit Sulong** ingin mengetahui mengenai **kolaborasi antara pelbagai kementerian** dalam merencanakan agenda pemerkasaan wanita dalam menangani isu keganasan terhadap wanita dengan lebih berkesan.

Tuan Yang Dipertua,

1. Sememangnya sesebuah kementerian tidak mampu untuk bertindak sendirian dan bekerja dalam *silo*. KPWKM tidak terkecuali. Justeru, pelbagai inisiatif, program serta aktiviti telah dan akan terus dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama bukan sahaja bersama agensi-agensi kerajaan, malah kerjasama juga dijalin bersama NGO bagi membendung dan menangani isu keganasan terhadap wanita dengan lebih berkesan.

2. Antaranya kerjasama yang dijalankan merangkumi kolaborasi strategik, program advokasi, pembangunan kapasiti dan perlindungan seperti berikut:

- (i) **memperkuhkan kerjasama strategik** menerusi Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT) antara agensi kerajaan dan NGO bagi memastikan isu atau perkara berkaitan keganasan rumah tangga dapat ditangani secara holistik;

- (ii) **memperluas pelaksanaan program advokasi** keganasan rumah tangga dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan AMANITA, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JHEWA) serta Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JWKS);

- (iii) **menerapkan kesedaran** terhadap elemen keganasan rumah tangga dalam modul program sedia ada mengenai kekeluargaan, keibubapaan, keagamaan dan kursus pra perkahwinan di bawah agensi seperti JAKIM;

- (iv) **melaksanakan program pembangunan kapasiti** bagi agensi penguatkuasa dengan kerjasama KDN dan PDRM termasuk bagi sukarelawan dan penceramah untuk program keganasan rumah tangga dalam kalangan KKM, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), JAKIM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan lain-lain;

- (v) **memperbanyakkan program-program kemahiran, keusahawanan dan penjagaan seperti TASKA dan *MamaCare* dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), KKM dan KSM; serta**
- (vi) **menyediakan Pusat Transit Sementara** di masjid yang telah dikenal pasti dengan kerjasama JAKIM dan JAWI bagi mangsa keganasan rumah tangga;

3. Kerjasama antara agensi ini amat penting bagi memperkasakan wanita. Sebagai contoh baru-baru ini saya sendiri telah berpeluang bertemu sendiri Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat PDRM di Bukit Aman untuk berbincang dan bertukar pandangan mengenai cabaran serta apa-apa ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua pihak dalam isu ini.

4. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga telah melaksanakan **program Skwad WAJA** yang merupakan pasukan sukarelawan di peringkat komuniti yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial

dan aktiviti dalam komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah.

Berikutnya, **Yang Berhormat Tebrau** telah mengajukan beberapa pertanyaan mengenai **Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]**.

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tebrau, Akta tersebut akan dikuatkuasakan secara berperingkat pada tahun ini. Hal ini akan dimulakan dengan elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.
2. Berhubung tribunal, ingin dimaklumkan bahawa penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual yang merupakan komponen penting di bawah Akta 840 akan dimuktamadkan selepas pembangunan dan pewartaan Peraturan di bawah Akta ini.
3. KPWKM akan memastikan **komposisi Ahli Tribunal** kelak adalah **pelbagai dan menyeluruh** supaya dapat memberikan keadilan kepada semua pihak. Panel Tribunal yang akan dilantik adalah di kalangan orang yang menepati kriteria keanggotaan Tribunal di bawah Seksyen 4(1) Akta 840, termasuk individu yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara yang berhubungan dengan gangguan seksual.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, berakhirlah sesi penggulangan saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat pada hari ini.

Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan, cadangan penambahbaikan serta teguran yang melibatkan kumpulan sasar di bawah KPWK. Saya menghargai segala yang telah dibangkitkan dan KPWK akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.

Kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap beberapa inisiatif Kementerian terutamanya dalam mengendalikan isu yang sangat dekat di hati kita ini diharap dapat memberi lebih manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.